

SOALAN NO.: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 31 MAC 2015

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi kepentingan Malaysia di Indonesia terhadap undang-undang baru yang mungkin menyekat pemilikan asing di ladang-ladang kepada tidak lebih daripada 30%.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara jiran, terutamanya urusan penggubalan undang-undang. Ini adalah kerana setiap negara bebas untuk menentukan dasar atau menggubal undang-undang demi kepentingan negara masing-masing. Semua pihak, samada rakyat tempatan atau pelabur asing harus akan mematuhi undang-undang negara tersebut.

Kerajaan Indonesia pada asalnya sememangnya bercadang untuk mengadakan undang-undang baharu untuk mengehadkan pemilikan asing ke atas ladang-ladang di Indonesia terutamanya ladang sawit kepada 30%. Walaubagaimanpun, Kementerian kini difahamkan bahawa pihak Kerajaan Indonesia telah memutuskan untuk tidak meneruskan dengan cadangan memperkenalkan undang-undang baharu tersebut.

Kerajaan Malaysia akan memantau perkembangan selanjutnya. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di sektor perladangan di Indonesia. Sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah, Kerajaan bersedia untuk membincangkannya dengan pihak Indonesia di mesyuarat kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Indonesia yang diadakan secara berkala.

Sekian, terima kasih.